



MODUL PENDIDIKAN SIVIK DALAM PENDIDIKAN ISLAM

Tajuk: Pengukuhan Jati Diri Anak Malaysia

Nilai Teras: Kasih sayang

Masa: 1 jam

SK: 1.24 Membaca ayat 30 – 31 surah an-Nur dengan betul, lancar serta bertajwid dan merumuskan kefahaman ayat serta mengamalkannya secara beradab dan istiqamah

SP: 1.24.3 Menghuraikan perintah Allah dalam ayat:

- Menundukkan pandangan daripada melihat perkara yang haram.
- Memelihara kehormatan daripada hubungan yang menyalahi syarak.
- Menutup aurat dan had batasan aurat.
- Bertaubat.

Objektif:

Pada akhir PdPc, murid akan dapat:

1. Menerangkan pengetahuan tentang pengukuhan jati diri anak Malaysia.
2. Menunjukkan perlakuan murid tentang jati diri dalam pelbagai situasi.

Aktiviti Literasi Sivik 1

1. Murid dibahagikan kepada tiga kumpulan dan diberikan tajuk berikut:
 - Kumpulan 1: Maksud jati diri.
 - Kumpulan 2: Cara pengukuhan jati diri dengan memelihara kehormatan diri.
 - Kumpulan 3: Kesan memelihara kehormatan diri.
2. Murid berbincang dan melakarkan fakta dalam bentuk peta minda pada kertas sebak tentang tajuk tersebut.
3. Kertas sebak ditampal di dinding kelas. Murid bergerak dalam kumpulan dari satu hentian ke hentian yang lain sambil berbincang tentang topik yang diberikan.
4. Murid berkongsi pendapat, memberi ulasan dan penilaian serta mencatat maklumat yang diperolehi.

Aktiviti Literasi Sivik 2

1. Aktiviti dijalankan secara berkumpulan.
2. Guru memberikan topik bertajuk panduan menundukkan pandangan.
3. Murid berbincang dalam kumpulan tentang topik yang diberikan.
4. Ketua kumpulan membuat persembahan dalam bentuk *power point* di hadapan kelas.
5. Guru menyemak ketepatan fakta yang dibentangkan oleh murid.

Refleksi: (Diisi oleh guru sebaik sahaja selesai pengajaran)